

Malaysia Gazette

Malaysia tuan rumah ISI-WSC ke-62

Oleh [Ainul Asniera Ahsan](#) di [Kuala Lumpur](#) - 14 Nov 2016 (1 day ago)

Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah untuk menganjurkan Kongres Statistik Dunia-Institut Statistik Antarabangsa (ISI-WSC) kali ke-62 pada tahun 2019.

Penganjuran kongres berprestij dunia yang akan diadakan di Kuala Lumpur itu merupakan julung kali diadakan di Malaysia berdasarkan giliran benua.

Malaysia mewakili benua Asia Pasifik pada tahun 2019.

Ketua Perangkawan Negara, Dr. Abdul Rahman Hasan berkata, pemilihan negara menjadi tuan rumah ini dapat meningkatkan literasi statistik dalam negara.

"Menjadi tuan rumah bagi majlis berprestij ini memberi peluang kepada Malaysia untuk menjalinkan kerjasama pintar dalam kalangan komuniti serantau dan global," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani antara Malaysia dan WSC di sini.

Majlis itu disaksikan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Muhammad Ibrahim.

Abdul Rahman memberitahu, prosedur membida kongres itu dimulakan pada 11 Mac tahun lalu selepas mendapat sokongan daripada Muhammad dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan diluluskan kerajaan.

Jabatan Statistik Malaysia berjaya membida kongres itu di ISI WSC 2019 di Rio de Janeiro, Brazil pada Julai 2015.

Persidangan WSC 2019 disasarkan menarik lebih 3,000 orang peserta dalam dan luar negara.

Kongres itu bakal membincangkan perkara berkaitan bidang sains dan sebanyak 1,300 kertas merangkumi pelbagai bidang termasuk pembangunan lestari, ekonomi dan data revolusi dan modenisasi akan dibentangkan.- MalaysiaGazette